

# 26 subjek UPM Tersenarai dalam (QS) WUR by Subject 2024

Oleh: YM Tengku Norhuda binti Tengku Muda




*Congratulations*

## 26 Subjects Ranked in QS World University Rankings by Subject 2024

<p><b>75<sup>th</sup> in the world</b> <b>1<sup>st</sup> in Malaysia</b></p> <p><b>Agriculture &amp; Forestry</b></p>	<p><b>40<sup>th</sup> in the World</b> <b>1<sup>st</sup> in Malaysia</b></p> <p><b>Veterinary Science</b></p>	<p><b>TOP 200</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Environmental Sciences</li> <li>• Accounting &amp; Finance</li> <li>• Business &amp; Management Studies</li> <li>• Modern Languages</li> <li>• Architecture/ Built Environment</li> <li>• Chemical Engineering</li> <li>• Civil &amp; Structural Engineering</li> <li>• Electrical &amp; Electronic Engineering</li> <li>• Mechanical, Aeronautical &amp; Manufacturing Engineering</li> <li>• Pharmacy &amp; Pharmacology</li> <li>• Materials Science</li> <li>• Chemistry</li> <li>• English Language &amp; Literature</li> </ul>
<p><b>Rank 51- 100</b></p> <p><b>Petroleum Engineering</b></p>	<p><b>Rank 134<sup>th</sup></b></p> <p><b>Economics &amp; Econometrics</b></p>	<p><b>TOP 250</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Education</li> <li>• Linguistics</li> <li>• Communication &amp; Media Studies</li> <li>• Biological Sciences</li> <li>• Geography</li> </ul>
		<p><b>TOP 300</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Computer Sciences &amp; Information Systems</li> <li>• Medicine</li> <li>• Mathematics</li> </ul>
		<p><b>TOP 350</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Physics &amp; Astronomy</li> </ul>

**SERDANG, 17 April 2023** – 26 subjek Universiti Putra Malaysia (UPM) merentasi lima bidang utama iaitu *Engineering, Natural Sciences, Life Sciences, Art and Humanities dan Social Sciences & Management* telah tersenarai dalam *Quacquarelli Symonds World University Rankings (QS) WUR by Subject 2024* yang diumumkan pada 10 April 2024 lalu.

Pencapaian paling ketara adalah kedudukan UPM bagi subjek Sains Veterinar (*Veterinary Science*) yang telah melonjak enam anak tangga di kedudukan ke-40 terbaik dunia sekaligus menjadikan subjek ini berada pada kedudukan pertama di Malaysia tiga tahun berturut-turut.

Manakala, subjek Pertanian & Perhutanan (*Agriculture & Forestry*) berada pada kedudukan 75 terbaik dunia dan masih mengekalkan kedudukan tempat pertama di Malaysia bagi tempoh dua belas tahun berturut-turut.

Sementara itu, subjek Ekonomi dan Ekonometrik (*Economics & Econometrics*) juga berjaya melonjak pada kedudukan ke-134 terbaik dunia berbanding kedudukan ke 151-200 pada tahun 2023.

Turut mendapat perhatian adalah penambahan dua subjek baharu iaitu Komunikasi & Pengajian Media (*Communication & Media Studies*) serta Geografi (*Geography*) yang berjaya tersenarai di kedudukan 250 terbaik dunia.

Kedua-dua subjek ini masing-masing mewakili bidang Sains Sosial & Pengurusan (*Social Sciences & Management*) serta bidang Sains Semulajadi (*Natural Sciences*) menjadikan sejumlah 26 daripada 43 subjek UPM diiktiraf di dunia.

Keseluruhannya, pencapaian UPM dalam *QS World University Rankings by Subject 2024* adalah memberangsangkan. Sebanyak 17 subjek berjaya tersenarai dalam kelompok 200 terbaik dunia berbanding hanya 13 subjek pada tahun lalu serta 12 subjek juga telah menunjukkan peningkatan dalam kedudukan masing-masing.

Maklumat lanjut keputusan *QS World University Ranking 2024* boleh didapati melalui laman web: <https://www.topuniversities.com/subject-rankings/2024>